

▼30/09/16-36MST

CNS8457

U GB 30-09 00175 BH869

AAB

APEC

MAHATHIR MUNGKIN HADIR SIDANG APEC JIKA ANGGOTANYA TERIMA EAEC
Daripada Salmy Hashim

I

NEW YORK, 30 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas berkata, tiada masalah baginya menghadiri sidang kemuncak para pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) November ini sebaik sahaja beberapa anggota tertentu Apec "memutuskan menerima Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)".

Dengan jelas merujuk kepada Amerika Syarikat yang kini bersikap "tunggu dan lihat" terhadap EAEC yang diusahakan Malaysia, Dr Mahathir menegaskan bahawa anggota-anggota Apec harus "jelas dan nyata" dalam penerimaan mereka terhadap EAEC.

Semasa menjawab soalan pada satu sesi dialog bagi memperkenalkan Bursa Saham Kuala Lumpur di sini, Dr Mahathir berkata: "Berhubung kehadiran saya di Seattle, buat masa ini, saya tiada rancangan untuk mengahdirinya."

Lagipun, katanya, jemputan itu diterima daripada sebuah anggota Apec dan ia bukanlah satu mesyuarat yang diusahakan Apec.

Pra-syarat Dr Mahathir itu agak mengejutkan para pegawai peringkat tertinggi Malaysia yang kini telah menerima hakikat bahawa Perdana Menteri bulat-bulat menolak jemputan Amerika itu. -- Lagi.

▼30/09/15-08MST

U GB 30-09 00198 BH872

AAB

APEC 2 New York

Satu sumber rasmi memberitahu Bernama bahawa Amerika ingin sangat supaya Dr Mahathir hadir pada sidang kemuncak di Seattle. Para pemimpin Apec dilaporkan telah menerima jemputan Presiden Bill Clinton itu.

Dr Mahathir memberitahu pengurus kewangan dan para pelabur yang berpotensi bahawa EAEC, yang diterima para pemimpin Jepun dan Korea Selatan, boleh berfungsi di dalam Apec sendiri sebagai satu forum yang membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama "... supaya kita boleh mengemukakan barisan hadapan yang bersatu semasa menyeratai GATT atau forum-forum yang lain".

Mereka yang hadir sebanyak 60 orang itu kelihatan tahu mengenai Malaysia dan menyedari dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB). Mereka berminat mengetahui lebih mendalam mengenai Malaysia dan tertarik dengan cara Perdana Menteri yang begitu cekap menjawab soalan-soalan daripada para hadirin.

Mengenai DEB, Dr Mahathir berkata, program itu "dilaksanakan dengan jayanya" untuk menambah kekayaan yang dikongsi Bumiputera daripada hanya satu peratus kepada 20 peratus dalam jangka masa 20 tahun.

"Apabila kami mencapai 20 peratus, kami rasakan bahawa penekanan harus beralih daripada pengagihan kekayaan semata-mata kepada pengurusan kekayaan, "supaya Bumiputera boleh mencipta lebih banyak kekayaan mereka sendiri dan membeli saham di pasaran saham, katanya. -- Lagi.

▼30/09/15-45MST

CNS8507

U GB 30-09 00163 BH873

AAB

APEC 3 New York

Apabila ditanya mengenai kononnya berlaku perlumbaan senjata di Asia Tenggara, Perdana Menteri hanya menjawab: "Tidak ada perlumbaan senjata berlaku."

Malah, negara-negara di rantau itu masih membelanjakan peratus yang sama daripada pendapatan mereka terhadap pertahanan, tetapi sebaik sahaja pendapatan mereka bertambah maka belanjawan untuk pertahanan mereka turut sama membesar seperti dalam kes Jepun, katanya.

Beliau berkata Malaysia, sebagai contoh, terpaksa menggantikan pesawat Northrop F-5E'snya yang telah usang kerana ia membahayakan nyawa juruterbang.

Malaysia terpaksa membelanjakan lebih banyak wang kerana pesawat baru yang dibeli lebih sofistikated dan oleh itu lebih mahal.

"Jiran kami di selatan, Singapura, mempunyai sekumpulan besar F-16's... tiada siapa yang mengatakan apa-apa semasa mereka membelinya... kami tidak ada satupun."

bagaimanapun beliau segera menambah kata: "Kami di Asia Tenggara merupakan masyarakat yang sensitif, kami lebih suka duduk berbincang di meja dan menjerit kepada satu sama lain daripada tembak-menembak antara kami," disambut gelak ketawa para hadirin. -- Lagi.

▼30/09/15-50MST

CNS8510

U GB 30-09 00073 BH874

AAB

APEC 4 (Akhir) New York

Mengenai Vietnam, beliau berkata, negara komunis itu harus diberi masa untuk maju menjadi sebuah negara demokrasi kerana jika proses itu dibuat secara terburu-buru ia memberi kesan yang buruk dan memporak-perandakan negara itu.

Dr Mahathir berkata, dengan kekayaan sumber asli, rakyat yang rajin dan berbakat, Vietnam boleh berkembang menjadi sebuah negara utama di rantau itu. -- Bernama.

SH RON KAM.

▼30/09/15-53MST